



Premis jual pelitup separuh muka melebihi harga kawalan dikompaun RM30,000

8/05/2020 05:52 PM

KOTA BHARU, 28 Mei -- Sebuah premis dikenakan kompaun sebanyak RM30,000 selepas dikesan menjual pelitup separuh muka melebihi harga kawalan.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan Azanizam Affendi Juri dalam kenyataan berkata pemeriksaan ke atas premis berkenaan mendapati harga pelitup separuh muka dijual lebih mahal daripada harga kawalan iaitu RM2 berbanding RM1.50.

Katanya premis itu dikenakan kompaun kerana gagal mematuhi Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Jelasnya harga jualan runcit bagi pelitup separuh muka yang dikawal ialah 15 sen seunit bagi jenis satu lapis, 20 sen seunit bagi jenis dua lapis, RM1.50 seunit bagi jenis tiga lapis dan RM6 seunit bagi jenis N95.

Dalam perkembangan berkaitan, Azanizam berkata sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2020 sebanyak 1,200 pemeriksaan premis telah dijalankan pihaknya.

Jelasnya, antara premis yang telah diperiksa melibatkan pasar awam, pasar raya, peruncit, pemborong dan pembekal di seluruh Kelantan.

"Bagi tempoh kali ini semua peniaga direkodkan mematuhi perundungan yang ditetapkan.

"Bagaimanapun, sejumlah empat aduan yang diterima daripada orang awam melibatkan tiga aduan melebihi harga maksimum dan satu kes tiada tanda harga," katanya.

Jelasnya, kesemua aduan tersebut telah diambil tindakan oleh KPDNHEP Kelantan.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1845640>